

04 OCT 1996

Suharto-lawat

SUHARTO LAWAT MALAYSIA Hujung Minggu Ini

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Presiden Suharto dari Indonesia akan tiba di sini hujung minggu ini untuk lawatan kerja selama dua hari bagi memperkukuhkan hubungan dua hala.

Beliau akan diiringi oleh Menteri Luar Ali Alatas dan Menteri Negara Moerdiono serta 35 orang pegawai kerajaan.

Lawatan itu, di atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah sebahagian dari perjumpaan dua hala yang selalu diadakan antara kedua-dua pemimpin itu di Malaysia dan Indonesia, menurut satu kenyataan Wisma Putra hari ini.

Kali terakhir Dr Mahathir menemui Suharto ialah di Bogor, Indonesia selepas menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) pada bulan Nov 1994 manakala kali terakhir Presiden Indonesia itu melawat Malaysia ialah pada tahun 1993.

Ahad ini, Suharto akan diraikan oleh Dr Mahathir di satu majlis makan malam di Sri Perdana.

Pemimpin Indonesia itu dijadualkan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua hala. serantau dan antarabangsa di Jabatan Perdana Menteri pada hari Isnin.

Beliau kemudiannya dijadualkan menghadiri majlis makan tengah hari bersama Yang DiPertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim juga akan membuat kunjungan kehormat ke atas Suharto.

Dr Mahathir akan membuat kunjungan selamat jalan ke atas Suharto sebelum Presiden Indonesia berlepas pulang. --BERNAMA

ES WAT